

17/07/2000

Kerajaan awasi pelampau agama, kaum

KUCHING, Ahad - Kerajaan sentiasa mengawasi kumpulan pelampau agama dan kaum yang mengamalkan politik kebencian dengan menghasut penganut satu agama supaya membenci agama lain dan kaum tertentu membenci kaum lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perkara itu sudah menjadi isu keselamatan dan jika tidak dibendung, ia boleh mengancam perpaduan dan menghancurkan kemakmuran negara.

"Ada pihak tertentu sengaja membangkitkan perasaan benci kononnya kerajaan yang ada di Malaysia adalah kerajaan yang bukan Islam... kafir kata mereka. Kerana kebencian itu, kita lihat apa sudah terjadi.

"Oleh itu, kerajaan tidak akan membenarkan sesiapa pun menggunakan isu agama dan perkauman yang boleh memecahbelahkan perpaduan kaum yang dipupuk sejak merdeka oleh kerajaan Perikatan dan kini Barisan Nasional (BN)," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis makan tengah hari pelbagai kaum bagi meraikan lawatan beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, ke Sarawak di Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri, Petra Jaya, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, ada kumpulan tertentu yang sudah lama bergerak menghasut dan menanam perasaan benci rakyat terhadap kerajaan.

"Akhirnya, golongan ini mempunyai perasaan benci yang sangat kuat sekali hingga tidak boleh berfikir dengan waras lagi.

"Mujurlah hanya sebilangan kecil rakyat yang berjaya diperdayakan oleh mereka, sementara sebahagian besar lagi rakyat tetap mahu hidup dalam keadaan aman, damai dan saling bekerjasama antara satu sama lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) adalah satu kumpulan pelampau yang mentafsir ajaran Islam dengan fikiran sempit hingga sanggup membunuh dua anggota pasukan keselamatan yang masing-masing beragama Hindu dan Kristian.

"Islam tidak mengajar umatnya membenci penganut agama lain apa lagi membunuh mereka.

"Oleh kerana tafsiran agama yang sempit, mereka sanggup membunuh anggota pasukan keselamatan yang menjaga keamanan dan keselamatan, termasuk kaum keluarga kumpulan pelampau itu sendiri," katanya.

"Tragedi itu tidak harus dibiarkan berlalu melainkan kita mengambil iktibar," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengingatkan rakyat Malaysia supaya tidak mensia-siakan pengorbanan mendiang Detektif Koperal R Sagadevan, 48, dan Mathew a/k Medan, 22, tetapi menjadikannya sebagai pengajaran bahawa setiap tindakan yang melampau akan menggugat perpaduan, keamanan dan kestabilan negara.

"Janganlah kita sia-siakan pengorbanan mereka ini (Sagadevan dan Mathew). Pengorbanan mereka mesti menjadi pengajaran kepada kita supaya menolak politik kebencian," katanya.

Bapa mendiang Mathew, Medan a/k Munying, 61, dan ibunya, Landun anak Ngumbang, 57, yang hadir pada majlis itu turut berkesempatan meluahkan perasaan mereka berhubung kematian tragis anak ketujuhannya itu kepada Dr Mahathir.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Sarawak juga berkata, rakyat Malaysia daripada pelbagai agama, kaum dan kebudayaan sebaliknya harus bersikap toleran antara satu sama lain.

"Inilah falsafah kerajaan BN dan falsafah yang dipegang oleh 14 parti komponen BN yang bertindak bersama untuk memajukan negara," katanya.

Beliau berkata, BN memberikan tempat kepada semua kaum di negara ini mengambil bahagian dalam pemerintahan negara.

"Dengan cara ini, kita kekal hidup aman damai kerana kita anggap semua orang Malaysia mempunyai hak yang sama di negara ini," katanya.

Dr Mahathir meminta rakyat terus bersatu padu kerana dengan cara itu saja, negara dapat terus dibangunkan dan menghadapi ancaman, termasuk dari luar seperti serangan ekonomi tiga tahun lalu.

Pada majlis sama, Perdana Menteri bagi pihak kerajaan mengucapkan takziah kepada keluarga Sagadewan dan Mathew kerana pengorbanan mereka dalam memperjuangkan keamanan negara.

(END)